

24/03/2002

Malaysia beli 72 kereta kebal buatan Poland

Ahmad Rejal Arbee

WARSAW: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengumumkan keputusan kerajaan untuk membeli kereta kebal PT91 buatan Poland selepas menilai tawaran dari tujuh negara lain termasuk Russia, Ukraine dan Sweden.

Beliau memberitahu satu sidang akhbar pada akhir lawatan dua minggunya ke Russia, Jerman dan Poland bahawa keputusan itu dibuat kerana kereta kebal buatan Poland didapati terbaik dan memenuhi kehendak pertahanan negara.

Dr Mahathir berkata butir-butir pembelian itu akan dirundingkan di antara pegawai kedua-dua negara.

PT91 berdasarkan model T72 buatan Russia dengan kebolehan yang sudah diperbaiki dan dipertingkatkan.

Berita Minggu difahamkan Kementerian Pertahanan merancang untuk menubuhkan empat squadron termasuk satu squadron latihan.

Dr Mahathir juga menjelaskan pembelian itu akan dilaksanakan secara satu pakej yang merangkumi pemindahan teknologi dan peraturan komersial yang boleh memberangsangkan ekonomi negara termasuk pembelian barangan Malaysia.

Malaysia mengharapkan Poland akan membeli minyak sawitnya sebagai sebahagian daripada bayaran untuk kereta kebal itu.

Dr Mahathir enggan menerangkan jumlah kereta kebal yang akan dibeli, tetapi menerangkan ia adalah kereta kebal penggempur utama (main battle tank).

Difahamkan Malaysia berharap dapat membeli sejumlah 72 kereta kebal itu untuk melengkapkan tiga squadron penggempur dan satu squadron latihan dalam rancangan Kementerian Pertahanan untuk memoden dan melengkapkan tentera daratnya dengan senjata dan kelengkapan lebih canggih.

Dianggarkan keseluruhan pembelian itu berharga sekitar RM3.8 bilion.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, sebelum ini berkata pembelian mana-mana kereta kebal itu bergantung kepada prestasi, keupayaan, kemampuan enjin, kelajuan, perisai perlindungan dan kebolehan persenjataannya.

Kementerian Pertahanan sudah mengemukakan cadangan untuk melengkapkan tentera daratnya dengan kereta kebal sejak 1994 lagi dengan mengkaji kereta kebal dari beberapa negara. Rancangan itu terbantut berikutan kemerosotan ekonomi pada 1997, tetapi dihidupkan semula baru-baru ini.

Pembuat kereta kebal itu, Zaklady Mechaniczne Bumar Labedy SA (ZMBL) telah bekerjasama dengan MMC Defence Sdn Bhd dalam rancangan pemindahan teknologi termasuk pemasangan kereta kebal itu di Malaysia.

Kereta kebal PT91 akan dilengkapi dengan sistem tembakan SAVAN15 buatan syarikat Sagem dari Perancis.

Ditanya sama ada keputusan kerajaan itu dibuat kerana tekanan daripada kerajaan Poland, Dr Mahathir berkata ia tiada kena-mengena dengan apa-apa tekanan kerana keputusan itu dibuat hanya atas kebolehan kereta kebal itu dan kehendak Kementerian Pertahanan.

Kelmarin beliau menyaksikan kebolehan kereta kebal itu dalam demonstrasi di Briged Perisai Pertama Tentera Darat Poland.

Ditanya sama ada Malaysia juga berhasrat membeli kelengkapan pertahanan lain buatan Poland, beliau berkata Malaysia akan mengkaji apa-apa tawaran yang dibuat. Beliau menyifatkan lawatan dua minggunya ke negara Russia, Jerman dan Poland sebagai berjaya meningkatkan hubungan antara mereka dengan Malaysia.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali bertolak pulang dengan pesawat khas dari lapangan terbang tentera di Okecie dekat sini pada jam 2 petang ini (waktu tempatan).

(END)